



Peserta bersiap sedia untuk dilepaskan.

BH 16.5.2013 v16

Kota Kinabalu: Seramai 48 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai Pertandingan Boling Tertutup Ketiga universiti berkenaan, baru-baru ini.

Kejohanan yang terbahagi kepada dua kategori iaitu lelaki dan wanita individu itu diadakan bagi mencungkil bakat baru.

Pelajar Sekolah Kejuruteraan Teknologi Maklumat (SKTM), Mohamad Razwan Abdul Rahman muncul juara kategori lelaki dengan kiraan 625 jatuhan pin mengecepikan saingan 19 peserta lain.

Tempat kedua dimenangi pelajar Sekolah Sains Sosial, Mohamad Irsyad Saafiq Endut dengan 604 jatuhan pin diikuti pelajar Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial, Abdul Karim Hasan (574 pin).

Juara wanita

Kategori wanita diungguli pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Dionysia Ginsos dengan 574 jatuhan pin, diikuti pelajar SKTM,

Boling tertutup UMS

Farah Naila Rusnan dengan 527 jatuhan serta Norsayza Mat Saad dari SPE di tempat ketiga (512 pin).

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Pegawai Belia dan Sukan UMS, Charles Thomas.

Beliau berkata, semua pemenang secara automatik akan mewakili UMS dalam kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dan Sukan Pelajar Universiti Borneo 2013.

Sementara itu, Pensyarah Sains

Sukan UMS, Dr Mohamad Nizam Nazarudin, berkata pemenang perlu meningkatkan lagi kualiti permainan mereka jika mahu bersaing pada peringkat lebih tinggi.

"Kebanyakan mereka mendapat jatuhan pin secara purata 150 saja. Ini perlu dipertingkatkan dengan berlatih di bawah bimbingan serta pemantauan jurulatih bertauliah," katanya.

Berbasikal terbuka

Dalam acara berasingan, Pastikan MTB Tamparik muncul juara Pertandingan Berbasikal Terbuka yang diadakan di Dataran Canselor UMS mengalahkan lima pasukan lain.

Pasukan itu menerima hadiah wang tunai RM300 manakala tempat kedua pula dimenangi pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) 1 dan diikuti UiTM 2 di tempat ketiga yang masing-masing menerima RM150 dan RM100, trofi, pingat serta sijil.